

# Tiga bot penceroboh ditahan

33 nelayan asing  
diperlakukan  
warga Vietnam  
ditangkap  
dalam Ops Naga

PASIR PUTEH

Tiga bot bersama 33 nelayan asing diperlakukan warga Vietnam ditahan Agensi Pengawalan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan menurusi Ops Naga semalam.

Pemangku Pengarah Maritim Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, kesemua bot berkenaan ditahan dari jam 7.30 hingga 10.30 pagi sekitar 81 hingga 98 batu nautika dari Muara Tok Bali.

Menurutnya, ketika asset Maritim, KM Jujur cuba mendekati bot berke-

naan, nelayan asing itu cuba meloloskan diri namun mereka berjaya ditahan.

"Kita menahan awak-awak dan tekong berusia antara 13 tahun hingga 45 tahun, tiga daripada mereka adalah nelayan bawah umur.

"Kes ini disiasat di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam sidang media di Jeti Operasi Maritim di Tok Bali semalam.

Menurutnya, nilai rampasan merangkumi bot, peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan dianggarkan bernilai RM1.3 juta.

"Kita percaya terdapat bot besar yang memunggah hasil tangkapan dari bot-bot ini untuk dibawa ke Vietnam, cara ini membolehkan bot-bot kecil berada di laut untuk tempoh lebih lama.

"Penahanan itu menjadikan jumlah keseluruhan



Ismail (kiri) memeriksa nelayan Vietnam yang ditahan Maritim semalam.

263 bot nelayan asing yang ditahan sejak awal penubuhan Maritim," katanya.

Tambah beliau, masyarakat setempat khususnya komuniti nelayan yang ter-

lihat sebarang bentuk perlanggaran undang-undang di laut boleh melaporkannya kepada Maritim menurusi talian MERC 999 atau Pusat Operasi Maritim

Kelantan 09-7780070.

Perairan negara kata-nya, menjadi tumpuan nelayan asing pada waktu ini kerana terdapat banyak ikan dan sotong.

"Usaha kita mewujudkan kawasan pembiakan menyebabkan laut kita kaya dengan hasilnya berbanding di negara Vietnam," katanya.